

Cakna kesulitan mangsa banjir

Ahli Kelab Perkim Kuipsas sumbang tenaga dalam pasca banjir di Kuantan

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN - Kelab Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (Kuipsas) menggerakkan program bantuan Pasca banjir, bagi melaksanakan tanggungjawab sosial mahasiswa kepada masyarakat.

Pengerusinya, Mohd Azmi Azman berkata, program itu dijayakan bagi membuktikan kepada masyarakat bahawa tiada jurang antara mahasiswa, universiti dan anggota masyarakat dalam usaha membantu mereka yang ditimpa musibah.

Menurutnya, pihaknya menyedari kesan psikologi dan kerosakan harta benda ditanggung oleh mereka, justeru sikap ambil tahu serta keprihatinan mereka sedikit sebanyak dapat membantu mereka untuk menghadapi saat-saat sulit ini.

"Kelab kita juga tidak ketinggalan untuk memainkan peranan bagi menyantuni mangsa sama sa da semasa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) atau selepas mereka pulang ke rumah masing-masing.

"Program yang mendapat sokongan dan dilaksanakan dengan kerjasama beberapa NGO serta jabatan kerajaan yang berkaitan ini pertama kali digerakkan semasa bencana banjir sedang berlaku di daerah sejak awal Januari lalu," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini, semalam.

Mohd Azmi berkata, Kelab Perkim Kuipsas bekerjasama Malaysia Relief Agency (MRA) negeri, menziarahi dan menyantuni penduduk terjejas banjir di beberapa PPS dengan mengagihkan barang keperluan harian dan kit kebersihan diri kepada mangsa.



Kerja-kerja pembersihan rumah mangsa terjejas dengan banjir turut dilakukan.



"Seramai 20 orang ahli kelab telah terlibat dalam semua program bantuan banjir yang menumpukan kerja pembersihan dan mencuci rumah penduduk warga emas yang baru pulang dari PPS," katanya.

Menurutnya, program bantuan yang digerakkan itu menerusi kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) negeri bersama, Kawasan Rukun Tetangga

(KRT) Sungai Isap Damai dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) negeri.

"Bantuan kemudian dilebarkan ke beberapa kawasan di daerah Pekan yang terjejas banjir. Misi bantuan dan penyerahan alatan kebersihan dilakukan di beberapa PPS seperti Kampung Ulu Ganchong dan Kampung Aceh.

"Program bantuan juga dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang, Pekan dengan misi bantuan pembersihan sekolah selepas semua mangsa pulang ke rumah dan sekolah perlu disiapkan untuk beroperasi seperti biasa seterusnya di kawasan lain yang terjejas," katanya.

Dala pada itu, Mohd Azmi berkata, ahli kelab tersebut digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kebajikan yang boleh menjadi medan latihan dan mempraktikkan ilmu dipelajari dalam kuliah.

"Di samping itu, penyertaan dalam program bantuan banjir ini diharap akan dapat memberikan sedikit bantuan kepada penduduk yang mengalami musibah," katanya.



Sebahagian ahli kelab membantu mengangkat bekaian makanan di salah satu PPS di daerah ini.



Info

Tumpuan turut diberikan terhadap kerja-kerja pembersihan dan mencuci rumah penduduk warga emas



Pemeriksaan kesihatan terhadap warga emas turut dilakukan.



Ahli Kelab Perkim menggunakan bot untuk mengagih bantuan.